

19/07/2000

10,000 dijangka hadir sambutan HPPNK 2000

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira 10,000 peladang, penternak dan nelayan seluruh negara dijangka hadir pada sambutan perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2000 di Stadium Putra, Bukit Jalil, Sabtu ini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Tan Sri Mustafa Abdul Jabar, berkata bilangan peserta meningkat dua kali ganda berbanding tahun lalu dan terbesar berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Beliau berkata, sambutan perayaan yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu adalah penghargaan kepada sumbangan golongan berkenaan yang menjadi tulang belakang pembangunan negara dalam bidang politik, ekonomi dan sosial sejak sebelum merdeka lagi.

"Sambutan perayaan itu diadakan serentak dengan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-pelancongan Malaysia (Maha) 2000. Ia turut diserikan pelbagai kegiatan seperti pesta buah-buahan, pameran agro-pelancongan, persembahan kebudayaan, pertunjukkan kuda dan haiwan belaan bagi menarik minat orang ramai mengunjungi tempat pameran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengenai sambutan perayaan itu di pejabatnya di sini, hari ini. Hadir sama ialah Ketua Pengarah LPP, Nozir Ahmad Hussain.

HPPNK adalah acara kemuncak bagi Maha 2000 yang akan diadakan selama sembilan hari dari 22 Julai ini.

(END)